

01/08/2005

MUSTAPA-MINYAK

KERAJAAN NILAI TAHAP KEMAMPUAN PEMBANGUNAN NEGARA EKORAN KENAIKAN HARGA PETROLEUM

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Kerajaan akan menilai jumlah subsidi yang mampu ditanggungnya bagi memastikan kenaikan harga petroleum tidak menjejaskan kewangan negara dalam melaksanakan projek pembangunan.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Mustapa Mohamed, penilaian tahap kemampuan kerajaan itu akan ditentukan Kementerian Kewangan yang mana Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah juga Menteri Kewangan.

"Kita berdoa harga (minyak) tak naik lagi, sekarang 60 dolar Amerika setong. Kalau harga meningkat dengan ketara, kita kena kaji semula kedudukan semasa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa "Tun Dr Mahathir: Mengurus Tadbir Urus dan Pembangunan pada Abad ke-21" di sini, hari ini.

Mustapa berkata, kenaikan harga runcit petroleum semalam telah membolehkan kerajaan menjimatkan RM1 bilion dalam bentuk subsidi, yang akan digunakan untuk projek pembangunan negara.

Katanya, kenaikan ketara harga minyak mentah di pasaran dunia menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung beban subsidi sehingga RM7.6 bilion jika mahu mengekalkan harga pada paras sebelumnya.

"Jika kerajaan tidak menaikkan harga, kerajaan terpaksa mengurangkan peruntukan untuk pembangunan atau membuat pinjaman dari luar," kata Mustapa.

Semalam, harga petrol naik 10 sen seliter manakala diesel meningkat 20 sen seliter dan peningkatan lima sen sekilogram bagi gas petroleum cecair (LPG), berikutan kenaikan harga bahan bakar itu di pasaran antarabangsa.

Menyentuh pemberian subsidi, katanya, golongan nelayan yang mendapat bekalan diesel pada RM1.20 seliter sebenarnya menerima bantuan kerajaan lebih 80 sen seliter.

Ini kerana, harga diesel di pasaran antarabangsa adalah RM2.07 seliter jika tanpa sebarang subsidi dari kerajaan.

Menjawab soalan, Mustapa yang juga pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata, kadar inflasi dijangka meningkat sedikit ekoran kenaikan harga minyak.

"Kita memang menjangkakan tetapi sekarang adalah terlalu awal untuk mengukur kenaikannya," kata beliau. -- BERNAMA

MOT AFY OS